

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA  
PEMBUKAAN SEMINAR MAKANAN DAN PE-  
MAKANAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA  
DI DEWAN HANG TUAH, MELAKA PADA  
22HB MAC, 1973

Tuan Pengerusi, Pengarah Seminar, Saudara-saudara sekalian,

Terlebih dahulu, sukalah saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak penyelenggaraan Seminar ini kerana menjemput saya merasmikan Seminar mengenai Makanan dan Pemakanan Dalam Pembangunan Negara atau dalam Bahasa Inggerisnya "Food and Nutrition Seminar".

Saya mengambil kesempatan ini menyatakan tahniah dan penghargaan kepada semua yang berkenaan termasuk FAO, UNICEF dan WHO atas inisiatif mereka mengadakan Seminar ini.

Saya rasa Seminar ini sangat sesuai dengan masanya memandangkan bahawa kita sekarang sedang mengkaji semula strategi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua dan kemajuan yang telah tercapai setakat ini. Bagi maksud kaji semula ini, kita perlu meneliti dasar dan rancangan pembangunan kita untuk menentukan samada patut dibuat perubahan atau pembaharuan supaya usaha-usaha pembangunan di masa hadapan berjalan dengan lebih sempurna dan membawa faedah yang lebih kepada rakyat.

Selama ini kita telah menumpukan tenaga dan perhatian yang lebih bagi mengadakan kemudahan fizikal dan material dari segi pembangunan. Bagaimanapun, kita sedar bahawa kemajuan setakat ini belumlah dapat memberikan kebahagiaan dan kesempurnaan hidup kepada rakyat am. Sebenarnya inilah matlamat akhir usaha-usaha pembangunan kita. Oleh itu, samalah mustahak kita menentukan bahawa rakyat sendiri mempunyai tenaga dan kemampuan untuk menyertai usaha-usaha pembangunan supaya menjamin kejayaan program pembangunan negara. Tidak syak lagi, perhatian yang lebih berat perlu diberi terhadap perkara ini.

Pada pendapat saya, tidaklah ada maknanya jika taraf ekonomi dan pendapatan Negara atau GNP menjulang naik jika rakyat yang tidak berada masih hidup dalam keadaan daif, mundur dan serba kekurangan, sedangkan anak-anak mereka mengidap berbagai penyakit. Oleh itu, antara rancangan-rancangan yang difikirkan

sesuai untuk memperbaiki keadaan hidup rakyat yang kurang bernasib baik ini ialah program untuk membantu memperbaiki keadaan diet dan nutrition (makanan dan pemakanan) terutamanya bagi kawasan-kawasan yang dianggap mundur ataupun "economically depressed areas".

Saudara-saudara sekalian,

Soal diet dan nutrition ini memang ada pertaliannya dengan kemiskinan yang mana adalah faktor utama mendorong kita melancarkan rancangan-rancangan pembangunan negara. Seperti yang seringkali telah saya tegaskan, tugas yang paling mustahak bagi kita ialah meninggikan taraf hidup rakyat yang kurang berada, terutamanya yang tinggal di luar bandar. Rancangan pembangunan negara kita yang sudah-sudah telah menyediakan program tertentu ke arah tujuan ini. Rancangan Malaysia Kedua yang berteraskan Dasar Ekonomi Baru menitik-beratkan usaha-usaha untuk mengimbangkan kedudukan ekonomi rakyat. Akan tetapi, hingga kini belum lagi diatitkan satu program yang menumpukan perhatian terhadap keperluan diet dan nutrition sebagai langkah membasmi kemunduran dan kemiskinan dalam bidang pembangunan negara.

Oleh yang demikian, sangatlah tepat Seminar ini membincangkan perkara tersebut dengan lebih mendalam supaya rancangan yang tertentu dapat disusun dan dilaksanakan. Saya sendiri sangat berminat dalam perkara ini memandangi bahawa diet dan nutrition merupakan faktor asas kepada usaha-usaha pembangunan kita yang menghendaki terbentuknya masyarakat Malaysia baru yang sihat dan cergas sambil menikmati kebahagiaan dan kesempurnaan hidup sepenuhnya.

Tidak syak lagi, masyarakat muda yang cergas dan penuh tenaga bergantung kepada faktor diet dan nutrition yang sempurna. Untuk menentukan bahawa jenerasi masa hadapan adalah manusia baru yang bertenaga kuat dan berfikiran waras, maka amatlah mustahak soal diet dan nutrition diberi perhatian berat dari sekarang juga.

Kita semua tahu, masih ada kejadian 'malnutrition' atau kekurangan zat makanan dan kadar kematian yang tinggi di peringkat bayi dan kanak-kanak yang belum bersekolah di beberapa kawasan tertentu di negara ini. Kajian-kajian yang telah dibuat mengenai kedudukan ini jelas menunjukkan bahawa pada amnya kawasan luar bandar masih mengalami segala kekurangan dan menderita kemiskinan.

Di samping itu, ada juga kawasan lain yang memerlukan tumpuan perhatian kita. Yang saya maksudkan ialah kawasan-kawasan setingan berhampiran bandar-bandar besar dan kecil, di mana terdapat ramai rakyat yang datang dari kawasan luar bandar untuk memulakan kehidupan baru dan mencari nafkah di kilang-kilang perusahaan selain dari pejabat-pejabat Kerajaan dan badan-badan berkanun. Adalah nyata rakyat kita yang diam di kawasan-kawasan tersebut juga mengalami serba kekurangan dari segi kesempurnaan hidup termasuklah keperluan diet dan nutrition. Sudah tentu perkara ini memerlukan program yang tersusun lengkap bagi memberikan kehidupan yang lebih sempurna bagi mereka dan keluarga mereka.

Saudara-saudara sekalian,

Saya diberitahu bahawa langkah pertama dari segi diet dan nutrition ini telahpun dimulakan dengan Projek Applied Nutrition sebagai satu panduan atau Pilot Project di tiga kampung iaitu Mukim Tanjung Duabelas, Ulu Langat dan Kuala Selangor. Ini bermakna bahawa pengalaman asas telahpun ada dan soalnya sekarang ialah untuk meluaskan rancangan ini meliputi kawasan yang lebih luas serta memberikan kesan yang nyata kepada rakyat.

Saya difahamkan juga bahawa Applied Nutrition Project ini dijalankan dengan cara 'integrated approach' iaitu memerlukan tenaga dan kerjasama dari semua agensi Kerajaan yang berkaitan dan juga pihak rakyat sendiri, samada secara individu, keluarga ataupun pertubuhan. Strateji ini adalah selaras dengan approach Gerakan Pembaharuan dalam pembangunan masyarakat. Saya sukacita mendengar bahawa Projek Applied Nutrition ini telahpun dijadikan satu daripada usaha-usaha di bawah Gerakan Pembaharuan. Ini adalah satu perkembangan yang praktikal memandangkan bahawa objektif program nutrition itu mementingkan pembangunan masyarakat dari segi kesihatan, pelajaran, ekonomi serta sikap dan ini adalah selaras dengan tujuan Gerakan Pembaharuan sendiri.

Saudara-saudara sekalian,

Dari segi pelaksanaan rancangan diet dan nutrition berlandaskan projek Applied Nutrition itu, peranan orang ramai di semua peringkat, sama ada pihak pegawai Kerajaan atau pihak rakyat kampung, sangatlah penting bagi menjayakannya. Pilot Project di

Tanjung Duabelas itu dapat berjaya dengan adanya persefahaman dan kerjasama di antara agensi-agensi yang berkaitan dan pihak rakyat sendiri. Saya turut berbangga dengan kejayaan ini dan mengucapkan tahniah kepada semua yang berkenaan. Sekiranya pengalaman di Tanjung Duabelas itu diambil sebagai contoh, nescaya kejayaan yang sama dapat dipastikan apabila rancangan ini diperkembangkan ke seluruh negara.

Saudara-saudara sekalian,

Projek seperti ini lebih-lebih lagi menghendaki kerjasama berdasarkan konsep 'integrated approach' yang dianjurkan oleh Gerakan Pembaharuan. Agensi-agensi Kerajaan yang terlibat seperti Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertanian dan Perikanan dan Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar perlu menggembelingkan tenaga dalam pelaksanaan supaya menentukan kejayaan projek ini.

Begitu juga, agensi-agensi lain yang menjalankan perkhidmatan perkembangan atau extension services dan kebajikan kepada masyarakat patut memberi sumbangan. Ini termasuk program Ekonomi Rumah Tangga, didikan pra sekolah, bantuan makanan ke sekolah-sekolah dan sebagainya yang bersangkutan dengan masalah diet dan nutrition. Kita semua maklum, soal diet dan nutrition ini amat penting kepada ibu dan bayi, oleh itu perlulah ditegaskan program berhubung dengan kesejahteraan ibu dan bayi.

Saudara-saudara sekalian,

Dalam hal ini, peranan kaum wanita sangatlah penting kerana mereka adalah asas bagi kesihatan hidup sesuatu keluarga. Tambahan pula, Projek Applied Nutrition berasaskan yunit keluarga dalam pelaksanaannya. Saya percaya pertubuhan-pertubuhan wanita yang banyak di negara ini dapat menyumbangkan tenaga terhadap projek ini. Timbalan Perdana Menteri tidak lama dulu telahpun bercakap tentang peranan pertubuhan-pertubuhan wanita dalam Gerakan Pembaharuan. Oleh itu, saya yakin bahawa pertubuhan-pertubuhan itu sudah sedia untuk memberikan tenaga mereka terhadap pembangunan masyarakat, terutamanya dari segi diet dan nutrition.

Saudara-saudara sekalian,

Saya berharap peserta-peserta Seminar ini yang datang dari berbagai agensi yang berkaitan di semua peringkat dan juga

kalangan rakyat yang tertentu dapat membincangkan masalah diet dan nutrition ini dengan serious dan berpandukan apa yang saya katakan tadi.

Sekali lagi, saya mengucapkan terima kasih kepada agensi-agensinya Bangsa-bangsa Bersatu seperti UNICEF, FAO dan WHO yang sama menyumbangkan tenaga dan memberi panduan kepada pengurusan seminar ini. Saya berharap perbincangan akan lebih menitik-beratkan perkara praktikal dan berdasarkan pengalaman dan masalah kita sendiri. Dengan demikian dapatlah dikemukakan syor-syor menyusun rancangan yang tertentu bagi pelaksanaan usaha-usaha pembangunan negara selanjutnya. Memandang bahawa perkara ini sangat penting, saya harap kita tidak hanya kerap berseminar sahaja tetapi hasil perbincangan itu dijadikan asas rancangan yang sesuai untuk dilaksanakan.

Dengan ini, saya sukacitanya merasmikan Seminar ini dan berharap perbincangan Seminar ini menghasilkan kejayaan demi kepentingan pembangunan negara kita.